

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA  
[ SIPITANG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan cadangan untuk menambah anggota penguatkuasa bagi memantau harga barangan di Sabah dan Sarawak yang masih tinggi berbanding di Semenanjung.

**JAWAPAN**

**Yang di Pertua,**

Penambahan Pegawai Penguat Kuasa adalah salah satu usaha berterusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), namun ia adalah tertakluk kepada kelulusan pengisian jawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selaras dengan dasar semasa Kerajaan yang berkuat kuasa iaitu inisiatif kawalan saiz perkhidmatan awam.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 2,258 Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP di seluruh negara. Bagi tahun 2019, KPDNHEP akan melaksanakan urusan pengambilan bagi 38 jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, 30 jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 dan 30 jawatan Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 dan pengisian dijangka pada awal tahun 2020. Pengisian jawatan kosong Penguat Kuasa di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan jumlah kes,

aduan, pemeriksaan premis, penduduk, jenayah perdagangan merentas sempadan dan sindiket, jumlah premis perniagaan yang berdaftar dan kawasan tarikan pelancong dan pusat perniagaan utama di negeri berkenaan.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan harga selain dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa, Pegawai Pemantau Harga (PPH) juga telah dilantik secara *Contract For Service* di seluruh negara bagi melaksanakan Program Pemantauan Harga. Pada peringkat ini, sebanyak 87 orang PPH telah dilantik di Pejabat KPDNHEP Negeri dan Cawangan Sabah dengan pecahan sebanyak 18 orang PPH di Kota Kinabalu, 11 orang PPH di Sandakan, 11 orang PPH di Tawau, 8 orang PPH di Lahad Datu, 7 orang PPH di Kudat, 8 orang PPH di Keningau, 9 orang PPH di Tuaran, 5 orang PPH di Semporna dan 10 orang PPH di Beaufort. Di Pejabat KPDNHEP Negeri dan Cawangan Sarawak pula, sebanyak 102 orang PPH telah dilantik dengan pecahan sebanyak 29 orang PPH di Kuching, 12 orang PPH di Miri, 12 orang PPH di Sibu, 10 orang PPH di Bintulu, 7 orang PPH di Sarikei, 6 orang PPH di Limbang, 6 orang PPH di Lawas, 8 orang PPH di Kapit, 7 orang PPH di Sri Aman dan 5 orang PPH di Mukah.

Program Pemantauan Harga adalah bagi memastikan barangan keperluan pengguna dijual dengan harga yang berpatutan dan membendung perlakuan mengaut untung berlebihan di kalangan peniaga. Perubahan harga barangan dapat dikesan melalui melalui pemantauan harga barangan keperluan pengguna secara harian, mingguan dan bulanan di premis-premis terpilih yang meliputi pasar basah, kedai runcit, *supermarket* dan *hypermarket* di seluruh negara. Bagi tujuan pemantauan harga, PPH di Sabah dan Sarawak melaksanakan kutipan data harga, memasukkan data harga tersebut ke dalam aplikasi MyHarga dan menyediakan laporan pemantauan harga kepada Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara KPDNHEP. PPH di Sabah dan Sarawak juga melaksanakan pemantauan *Sales and Service Tax* (SST) dan program penyeragaman harga. Sebanyak 765 premis perniagaan di Sabah dan 734 premis perniagaan di Sarawak dipantau harganya oleh PPH.

Di samping itu, bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, sehingga 31 Ogos 2019, Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP telah melaksanakan sebanyak 61,516 pemeriksaan di Sabah dan 67,473 pemeriksaan di Sarawak. Selain itu, Kementerian juga memerlukan kerjasama rakyat untuk menggunakan hak dan kuasa sebagai pengguna dengan menyalurkan sebarang maklumat kenaikan harga atau aktiviti anti pencatutan kepada Kementerian melalui 9 saluran aduan yang disediakan iaitu portal e-aduan, call centre, e-mel, aplikasi Ez ADU, Pusat Informasi dan Gerakan Strategik (PIGOS), *walk-in* ke Pejabat KPDNHEP, Whatsapp, surat rasmi dan Bilik Gerakan KPDNHEP negeri.

Kesimpulannya, melalui kelulusan pengisian jawatan Penguat Kuasa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa, Program Pemantauan Harga, aktiviti penguat kuasaan dan kerjasama pengguna melalui 9 saluran aduan yang telah disediakan, maka harga barangan di seluruh negara dapat diseragamkan dan terkawal.